

**MEDIA PENYIARAN DI MALAYSIA
DAN HUBUNGANNYA DENGAN WANITA**
Rahmah Hashim

Pengenalan

Masyarakat seringkali mendengar dan diingatkan bahawa wanita merupakan 50% daripada jumlah penduduk di negara Malaysia. Statistik juga menunjukkan hampir 50% daripada jumlah penduduk di dunia hari ini terdiri daripada kaum wanita. Daripada jumlah tersebut, 70% tinggal di negara sedang membangun. Di rantau ASEAN, hampir 50% daripada 210 juta penduduk ialah wanita. Di antara penduduk wanita di seluruh dunia, hampir 28% dalam lingkungan umur 15 hingga 64 tahun menceburkan diri dalam bidang pekerjaan pada 1975.

Hasil perjuangan beberapa pertubuhan wanita di dunia juga telah berjaya meyakinkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya mengisytiharkan tahun 1975 sebagai Tahun Wanita Antarabangsa manakala dasawarsa 1976-1985 dilancarkan sebagai Dekad Wanita Antarabangsa. Antara objektifnya ialah "untuk membuka mata pemerintah supaya menyedari sumbangan wanita terhadap pembangunan negara" (Gallagher 1979, 43-44).

Wanita Malaysia mungkin bertuah kerana kerajaan mempunyai komitmen terhadap penyertaan dan penglibatan wanita dalam pembangunan negara. Ini diperakukan di

dalam Rancangan Malaysia Ketiga:

Peranan wanita dalam masyarakat telah menjadi satu faktor yang semakin penting. Penyertaan dan sumbangan kaum wanita yang aktif dalam kegiatan pembangunan di luar lingkungan keluarga tidak lagi menerima apa-apa tentangan berasaskan prasangka tradisional dan fahaman kolot. Ini dibuktikan oleh potensi pimpinan mereka dalam perjuangan untuk hak-hak asasi perseorangan dan kebebasan di dalam masyarakat, layanan dan penghormatan yang sama bagi individu-individu tanpa mengira jantina, kaum, kebudayaan dan ugama serta penerimaan diri dan kebolehan seseorang individu dalam setiap lapangan dan peringkat hidup. Kesemua ini adalah faktor penting dalam usaha negara mencari watak dan identitinya sendiri. Sumbangan wanita terhadap usaha pembentukan sebuah masyarakat yang kukuh dan berdikari di Malaysia perlu dihargai dan dipertimbangkan dalam rangka pembangunan serta kemajuan yang pesat.

(Third Malaysia Plan 1976, 105)

Sewaktu merasmikan Persidangan Menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur pada 13 Mei 1975, Allahyarham Tun Abdul Razak sendiri menegaskan bahawa wanita merupakan salah satu milik penting kerajaan yang mempengaruhi kualiti hidup dan keteguhan ekonomi serta asas sosial negara yang kukuh. Oleh yang demikian potensi gunatenaga ini

perlu diambilkira di dalam semua aspek pelaksanaan dasar pembangunan negara.

Antara Tradisi dan Modenisasi

Wanita masakini sedang mengalami proses penyesuaian di antara keperluan tradisi dan environmen yang sedang mengalami perubahan yang amat pesat khusus di bidang sains dan teknologi.

Menurut Zurinah (1983), identiti seksual wanita pada umumnya dipengaruhi oleh dua warisan sosio-budaya yang berbeza, yakni wanita tradisional yang berkhidmat dengan penuh taat setia kepada lelaki (suami), dan golongan wanita yang mengamalkan prinsip liberalisme wanita Barat. Wanita tradisional dihubungkan dengan wanita yang pandai melayani kehendak suami, rela berkorban untuk suami dan keluarga, dan bergantung sepenuhnya kepada suami untuk memelihara dan melindunginya, serta menyerahkan "kuasa" rumahtangga sepenuhnya kepada suami. Wanita yang liberal pula disifatkan sebagai bebas daripada sekatan dan belunggu sosial, tidak bergantung kepada lelaki, berani menuntut hak, mencari nafkah sendiri, ada pilihan "untuk berkahwin atau bersendirian", bebas, serta "mempunyai pendedahan untuk mengenali lebih banyak lelaki" yang dianggap "boleh meninggalkan lagi kemahiran sosial, perhubungan dan tindaktanduk."

Kedua-dua pengaruh sosio-budaya yang dikenalpasti itu ada kelebihan dan kelemahannya dan tidak semestinya

dapat diterima kerana sintesis daripada sikap liberal/tradisional tersebut menghasilkan sesuatu identiti yang tidak mutlak, yakni yang mengadunkan unsur liberalisme dan tradisi.

Wanita yang bekerja di luar rumah sering digambarkan sebagai seorang yang sanggup mengorbankan kebahagiaan rumahtangganya. Bila berlaku kepincangan dalam rumahtangga maka wanita yang dipersalahkan kerana tidak menjalankan tugas sebagai pengurus rumahtangga yang sempurna kerana terlalu mementingkan kerjaya (Mazidah 1980, 8).

Dari kacamata Islam, wanita tidak disekat melibatkan diri dalam bidang luar rumahtangga asalkan penglibatan tersebut tidak merosakkan nilai Islam dan menggugat tugas utama dalam rumahtangga.

Menuntut ilmu, umpamanya, adalah kewajipan setiap umat tidak kira lelaki ataupun perempuan. Dalam sejarah Islam terdapat peristiwa mengenai sekumpulan kaum wanita yang pergi menemui Rasulullah s.a.w. untuk mengadu bahawa hanya kaum lelaki sahaja yang membolot masa baginda sedangkan wanita tidak berpeluang menemui dan belajar daripada baginda. Rasulullah s.a.w. memahami keperluan mereka lalu bagindapun memberikan suatu masa khusus untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada kaum wanita.

Maryam Jameelah yang terkenal dengan penulisan yang tajam mengenai environmen masakini jelas meletakkan tanggungjawab yang berat di bahu wanita untuk membenters gejala keruntuhan moral yang semakin

mencabar ketaqwaan dan keimanan. Tegas beliau, "Wanita yang buta huruf dan lesu tidak mungkin dapat menghadapi pengaruh anti-Islam yang mengancam anak-anaknya siang dan malam. Hanya ibu yang bijak, berpelajaran dan bersemangat sahaja yang boleh menghadapi tugas-tugas tersebut." (Dipetik dari Abd. Ghani 1981, 12).

Pada tahun 1975, jumlah wanita yang buta huruf yang dikenalpasti di Malaysia ialah kira-kira satu juta orang manakala 49% pula didapati tidak mempunyai pelajaran formal (Noorsiah 1983, 24).

Bilangan tersebut perlu dikurangkan sekiranya ingin menjamin masa depan masyarakat yang lebih dinamik dan maju ke hadapan serta bermaruah di mata dunia.

Wanita dan Media

Sejarah media antarabangsa mencerminkan bahawa pertumbuhan dan perkembangan media bergantung kepada keperluan environmen, tetapi media kemudiannya akan membentuk sistem politik, sosio-budaya dan ekonomi sesebuah masyarakat.

Walaupun masyarakat tidak dipaksa untuk menggunakan teknologi media, namun umum menyedari bahawa media komunikasi berupaya membuka jalan untuk pelbagai kegiatan dan merupakan salah satu punca maklumat yang segera dan pantas. Kita telah melihat bagaimana ledakan maklumat yang dihasilkan oleh teknologi media banyak mengubah suasana persekitaran

tahun 70an dan 80an ini. Media elektronik diakui salah satu unsur utama perubahan sosial kerana wujudnya faktor pembujukan. Malah sebarang pertubuhan atau sesiapa yang berkuasa mengendalikan teknologi media akan berupaya mentadbir dan menguasai pemikiran masyarakat massa. Begitu besarnya pengaruh media, nasun pengguna masih tidak menyedari ataupun enggan mengambil manfaat daripada keupayaan teknologi media. Lantaran itu, masyarakat gagal membenteras kesan negatif yang terhasil daripadanya.

Peranan wanita sebagai pembentuk masyarakat tidak dinafikan. Malah wanita diibaratkan sebagai tiang negara. Andainya "tiang" tersebut didirikan daripada bahan binaan yang mudah rapuh dan tidak bermutu tinggi, akan hancur musnahlah tiang tersebut diikuti oleh seluruh struktur pembinaan yang akan bersama-sama mengalami kehancuran.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda bahawa kaum wanita adalah tiang negara, apabila rosak wanita akan rosaklah negara. Ini menggambarkan betapa pentingnya peranan wanita dalam pembangunan agama, masyarakat, bangsa dan negara, serta tanggungjawab yang perlu didukung untuk mempertahankan pencemaran nilai hidup masyarakat yang diakibatkan oleh penyalahgunaan media komunikasi masakini.

Persoalannya, apakah peranan yang harus dimainkan oleh wanita untuk membantu mengurangkan atau menghapuskan gejala pencemaran tersebut? Bagaimanakah bentuk penglibatan wanita di dalam media dan

bagaimanakah usaha yang harus disusuli untuk memprojeikkan imej wanita yang positif kepada khalayak tempatan dan luaran.

Ternyata, ciri lahiriah kaum Hawa kerap diperalatkan untuk melariskan barangan atau perkhidmatan. Akibat 'ketagihan' maka pemikiran menjadi tidak rasional dan masyarakat menjadi kehausan sekiranya dunia hiburan tidak diceburi oleh wanita jelita yang mengkhayalkan.

Ketika ini program untuk wanita masih amat rendah prioritinya. Kebanyakan program wanita lebih menumpukan persoalan rumahtangga yang temeh sedangkan isu pembangunan masyarakat yang lebih penting dan luas seperti masalah perundangan keluarga, politik dan ekonomi tidak dititikberatkan.

Sebagai bakat dalam media, wanita sering diberikan peranan stereotaip sebagai kaum yang lemah, dan hanya bertanggungjawab kepada rumahtangga dan keluarga sahaja. Wanita sering digambarkan berperwatakan romantik dan tidak berdikari. Wanita hanya ditonjolkan di dalam pertunjukan fesyen dan hiburan. Selalunya kecantikanlah yang menjadi kriteria utama untuk bakat TV, di samping suara yang lemak merdu dan gaya yang mempesonakan.

Pengarah dan penerbit rancangan di media elektronik seperti radio, TV, video atau filem, masih menghadapi paradoks dalam mencari arah paling sesuai dan layak diterima oleh khalayak di negara seperti Malaysia. Di suatu sudut, terdapat pengamal penyiaran

dan perfileman yang bercita-cita untuk meningkatkan mutu perisian media tanahair tanpa mengambilkira tanggungjawab sosial mereka. Di suatu sudut lain pula, terdapat seruan yang bertalu-talu supaya kepentingan moral tidak dikorbankan semata-mata untuk memenuhi kehendak dan citarasa khalayak.

Kerjaya di Media Penyiaran

Tahun 70an dan 80an telah menampakkan pertambahan wanita yang bertugas di stesen radio khususnya Radio Malaysia, yakni 50% pada tahun 1981 berbanding dengan 32% pada 1967, tetapi penglibatan wanita dalam berbagai dimensi penerbitan dan pentadbiran penyiaran radio dan TV masakini masih lagi di tahap yang belum boleh dibanggakan.

Pada tahun 1982, seramai 46% mempunyai kelulusan SPM/MCE, 22.2% berkelulusan STP/HSC, 10% memiliki Diploma dan 13.3% berkelulusan ijazah (Noorsiah 1983, 75 & 98). Kelayakan ini mempunyai hubungan yang jelas dengan jenis tanggungjawab yang dipikul dan kategori perkhidmatan yang ditawarkan.

Di bidang penyiaran TV, bilangan wanita telah berlipat ganda pertambahannya pada tahun 1982. Namun begitu, jumlah paling besar ialah yang memilih jawatan pembantu skrip [249 dari 267 orang, yakni 93.6%], diikuti dengan jurusolek [249 dari 267 orang, yakni 87.5%] dan penterjemah [118 dari 147 orang, iaitu 80.3%]. Menurut Halimatussaadiah (1983), kecenderungan

tersebut berlaku kerana pekerjaan sebagai pembantu skrip "mirip kerja-kerja kesetiausahaan" (hlm. 56).

Umumnya wanita gemar melibatkan diri dalam pekerjaan di peringkat bawahan dan terlalu kurang sekali di peringkat membuat keputusan. Justeru itu wanita sendiri harus dipersalahkan jikalau mudah berpuashati dengan jawatan mereka sebagai penurut perintah, dan enggan mengambil dayausaha untuk menceburkan diri dalam tugas penerbitan yang lebih rumit tetapi bermakna.

Wanita Sebagai Penyiar

Penglibatan wanita sebagai penyiar boleh dikesan semenjak tahun 1930an lagi. Dengan tertubuhnya stesen ZHJ milik Persatuan Wireless Pulau Pinang dalam tahun 1930an, suara wanita telah mula ke udara iaitu suara yang dimiliki oleh Violet Coomaraswamy. Beliau ketika itu cuma ditugaskan membuat hebahan rancangan dan pengumuman sahaja (Norkiah 1983, 60).

Apabila kerajaan British mengambilalih bidang penyiaran pada tahun 1946, seorang lagi wanita telah menempa sejarah dengan mempelopori bidang penyiaran awam. Beliau ialah Zamroude Zaaba anak gadis pendita Zaaba yang ketika itu bertugas di bahagian berita. Penglibatan kedua-dua wanita mendapat galakan dan direstui oleh ayah mereka masing-masing yang turut terlibat di dalam bidang tersebut. Jika penglibatan Violet terhenti dengan pengambilalihan bidang penyiaran oleh kerajaan Selat maka peperangan dunia yang kedua

pula merupakan titik akhir penglibatan Zamroude sebagai juruhebah radio.

Kekosongan jawatan yang disebabkan oleh penarikan diri Zamroude itu telah dipenuhi oleh seorang lagi anak gadis Zaaba iaitu juruhebah terkenal Zaharah Zaaba yang ketika itu telahpun mempunyai kelulusan Senior Cambridge dan Sijil Perguruan dari Maktab Perguruan Durian Daun, Melaka — suatu kelayakan yang jarang-jarang sekali dimiliki oleh kaum wanita, khususnya kaum wanita Melayu ketika itu.

Menjelang kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957, telah ada seramai lapan orang penyiar wanita di semua stesen Radio Malaya (Singapura dan Kuala Lumpur). Di samping Zaharah Zaaba, penyiar wanita lain terdiri dari Wan Jah Ahmad, Siti Hawa Zain, Aishah Ghani (kini Tan Sri Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani, yakni bekas Menteri Kebajikan Masyarakat), Wong Kim Pok, Norlidar Saidi, Elizabeth Kirby dan Mrs. Wright (Norkiah 1983).

Pada peringkat awalnya, anak gadis tidak diizinkan oleh ibubapa untuk bekerja di stesen radio kerana anggapan masyarakat bahawa tugas juruhebah sama seperti wanita-wanita joget, penyanyi dan pelakon yang dicap "mempunyai nilai moral yang rendah dan dipandang serong oleh umum" (Hasil temuramah Siti Hawa Zain dengan Norkiah, 1983). Penyiar wanita juga dikatakan terpaksa menghadapi cacian daripada masyarakat keliling yang pada masa itu masih belum bersedia membenarkan anak perempuan bekerja di luar rumah apatah lagi pada waktu

malam (Wawancara Norkiah dengan Zamroude, Zaharah Zaaba dan Siti Hawa Zain, 1983, 78).

Kini sikap masyarakat tidak lagi begitu negatif terhadap wanita yang bertugas sebagai penyiar di radio ataupun TV. Malah para penyiar dipopularkan pula oleh umum seperti bintang filem hinggakan khalayak cenderung untuk melihat hanya satu sudut penyiaran yakni aspek publisitinya semata-mata. Hakikatnya, tanggungjawab pengamal penyiaran itu amatlah berat. Seseorang individu yang hanya berbekalkan minat semata-mata tidak mungkin dapat mencapai kejayaan atau meneruskan kerjaya di bidang penyiaran sekiranya tidak disertai dengan sikap cekal, rajin, tekun, teliti, tegas, cekap, mahu maju ke hadapan dan tidak gentar menghadapi cabaran.

Mungkin kerjaya di bidang penyiaran radio berbeza sedikit daripada TV. Lantaran itu kebanyakan suami para petugas TV enggan membenarkan isteri-isteri mereka memilih untuk terus bekerja di TV. Namun demikian kira-kira 75.5% daripada penyiar wanita memilih untuk terus bertugas kerana "memerlukan wang untuk membantu suami dan keluarga" (Halimatussaadiah 1983, 58).

Tanggungjawab Penyiar Wanita

Pada peringkat awal, wanita hanya diberikan tugas sebagai juruhebah yang mengendalikan rancangan permintaan dan hiburan. Bagi Zaharah Zaaba, tugas awal beliau ialah membaca Al Quran sebagai acara pembukaan siaran radio! (Hasil temuramah Norkiah, 1982). Secara

beransur-ansur baharulah wanita diberikan kepercayaan mengendalikan rencana, dan kemudiannya siaran drama keluarga. Menjelang tahun 1950an, kebolehan dan keupayaan penyiar wanita telah tidak dipertikaikan lagi. Malah, mereka sama-sama menyertai rombongan pemimpin negara dalam rangka lawatan ke beberapa buah negara luar dan juga di dalam negeri.

Bidang penyiaran TV agak berbeza sedikit tugasnya. Mungkin kerana penerbitan sesebuah rancangan TV itu lebih kompleks maka tidak terdapat seorang wanitapun yang menyertai TV Malaysia pada waktu ia dilancarkan pada Disember 1963. Walau bagaimanapun, wanita pertama yang kemudiannya diambil bertugas ialah Tan Geik Sim yang pernah bertugas di bahagian radio. Selanjutnya, TV Malaysia mengambil Tan Ju Lan dan Hyacinth Leo yang tidak pernah terdedah kepada bidang penyiaran sebelum itu tetapi mempunyai kelulusan universiti (Halimatussaadiyah 1983, 46).

Para penyiar yang bertugas di RTM merupakan kakitangan kerajaan yang tertakluk kepada peraturan kerja yang telah digubal. Tanggungjawab para penyiar, tidak kira wanita atau lelaki, ialah sebagai jambatan yang menghubungkan kerajaan dengan rakyat. Secara tidak langsung prestasi mereka boleh mempengaruhi imej dan maruah kerajaan dan di bahu mereka jugalah terletaknya tanggungjawab meyakinkan dan menjelaskan dasar kerajaan kepada masyarakat ramai. Di samping 'menghibur' para penyiar juga perlu mengekalkan minat khalayak mereka supaya terus mengikuti mesej dan

penerangan yang bakal disampaikan melalui wadah radio dan TV.

Wanita Sebagai Khalayak Media

Kira-kira 80% masyarakat Malaysia mendengar radio dan TV dan wanita merupakan golongan pendengar paling ramai jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Berdasarkan maklumat seperti inilah maka stesen radio dan TV cuba menyesuaikan corak penjadualannya dengan khalayak yang ada.

Sebagai kumpulan khalayak yang besar, wanita sepatutnya boleh berperanan sebagai kumpulan pendesak sekiranya masyarakat disogokkan dengan program yang menonjolkan eksploitasi wanita dan ciri yang bertentangan dengan nilai keIslaman. Khalayak wanita harus mengkritik program radio dan TV yang tidak menerapkan nilai positif dalam pembentukan masyarakat umpamanya yang menggalakkan kehancuran keluarga sebagai institusi sosial dalam masyarakat.

Program yang mengandungi nilai moral yang rendah dan menonjolkan budaya pop Barat yang menggila tidak seharusnya dibiarkan menjadi bahan tontonan kerana keupayaannya melali dan melalaikan khalayak, khususnya para remaja dan kanak-kanak. Kesannya samalah seperti dadah yang meracuni, merosak dan membunuh anggota masyarakat secara berdikit-dikit.

Dalam keghairahan para ibu bapa untuk bersikap "liberal" dan "sporting" maka berikan sedikit masa lagi

sebelum nasi menjadi bubur. Justeru itu amat bermanfaat sekiranya wanita dan masyarakat keseluruhannya mengambil iktibar dari persekitaran negara lain yang telah menampakkan ciri penyakit sosio-budaya yang telah banyak menggugat kesetabilan masyarakat.

Penutup

Walaupun bidang penyiaran boleh memberikan sumbangan kepada pembangunan rohani, sosial, budaya, ekonomi dan politik, namun begitu media di Malaysia, khususnya media TV, telah tidak berjaya memenuhi harapan dan jangkaan ramai, untuk menunjukkan prestasi yang tinggi sebagai pembentuk pendapat, sebagai ejen perubahan dan penyalur budaya-sosial yang berkesan. Sebaliknya terdapat kecenderungan untuk menyerap budaya asing di dalam program yang tersiar untuk tontonan khalayak.

Untuk mengembalikan nilai kesopanan, kesusilaan dan kebenaran di media, penyiar wanita harus cekal dan bersikap berani menegakkan nilai budaya yang luhur. Mereka boleh menunjukkan contoh yang positif dalam rancangan terbitan mereka sendiri dan membuktikan bahawa tidak perlu diselitkan babak seks yang eksplisit atau pergaulan lelaki-perempuan di luar batas sempadan adat dan agama semata-mata untuk menarik minat khalayak sedangkan banyak lagi isu lain yang boleh dijadikan ilham dan yang mencabar dayacipta penerbit.

RUJUKAN

- ABDUL GHANI SHAMSUDDIN, Wanita Islam Mithaliyyah. Kertaskerja dibentangkan di Seminar Seri Kandi Islam I, pada 28 Jun 1981.
- BRIGGS, ASA. (1961) *The Birth of Broadcasting*. London: Oxford University Press.
- GALLAGHER, MARGARET. (1979) *The Portrayal and Participation of Women in the Media*. Paris, Unesco.
- HALIMATUSSAADIAH ABDULLAH HUSSIN. (1983) *Perkembangan Penglibatan Wanita Dalam Media Elektronik (Televisyen) Sejak Tahun 1963 Sehingga 1982*. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- LANDA, DONALD P. & RYAN, ROBERT D. (1971) *Advancing Technology: Its Impact On Society*. Iowa: Wm.C. Brown Co.
- MAZIDAH ZAKARIA. (1980) *Sikap dan Nilai Masyarakat Terhadap Pergerakan Wanita*. Kertaskerja dibentangkan di Seminar Peranan Wanita Dalam Pergerakan Belia, anjuran Pusat Latihan Belia, Pertak.
- MOHD. KAMAL HASSAN. *Perkembangan Manusia Secara Sepadu dan Implikasinya Ke Atas Pendidikan Kebangsaan*. Kertaskerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Konsep Pembangunan Dalam Islam, pada 10-12 Mac 1981.
- NURKIAH TOHALDS. (1983) *Penglibatan Wanita Dalam Media Elektronik, (Radio) dan Pola Rancangan Wanita Yang Disiarkan Sejak Tahun 1935-1963 di Malaysia*. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- NOORSIAH ISMAIL. (1983) *Perkembangan Penglibatan dan Pola Rancangan Wanita Dalam Media Elektronik, (Radio) dari Tahun 1963-1982*. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- ZURINAH HARUN. *Identiti Seksual Wanita*. Pribadi, Bil. 13, Ogos 1983, hlm. 62-63, 72.